

13/07/2000

Persatuan bukan Islam yakin jaminan PM

KUALA LUMPUR, Rabu - Persatuan dan badan bukan Islam menyambut baik jaminan Perdana Menteri kepada rakyat bukan Islam yang mereka tidak akan ditindas, jika terus memberi sokongan kepada kerajaan.

Presiden Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh Malaysia (MCCBCHS), A Vaithilingam, mengalu-alukan jaminan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membela nasib rakyat bukan Islam dan yakin kepemimpinan beliau dapat mengekalkan keharmonian dan keamanan di negara ini.

Katanya, pihaknya sentiasa mengadakan kegiatan dan dialog dengan pertubuhan Islam seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang bertujuan mengeratkan hubungan dan bertukar pendapat.

Semalam, Dr Mahathir memberi jaminan, rakyat bukan Islam di negara ini tidak akan ditindas jika mereka terus menyokong kerajaan.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai jenis jaminan yang dapat diberikan kerajaan kepada rakyat bukan Islam berikutan pembunuhan dua tebusan oleh Kumpulan Al-Ma'unah pada 2 Julai lalu.

Sementara itu, Presiden Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (FCAM), Tan Sri Chong Ching Shoong, berkata kerajaan harus merancang langkah untuk menghalang kumpulan seperti Al-Ma'unah daripada terus mengugat kestabilan negara dan memesonkan rakyat.

(END)